



SIARAN AKHBAR

PROGRAM MINGGU BUDAYA MALAYSIA LONDON 2013 **Promosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia**

LONDON, 23 September 2013 – Program Minggu Budaya Malaysia London (MBML) 2013 telah dirasmikan oleh YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, pada 21 September 2013, jam 3 petang (waktu London) bertempat di South Bank, London. Majlis perasmian ini turut dihadiri dengan kehadiran Mayor Councillor Abdul Mohamed (Mayor of Southwark London), YBhg. Dato' Seri Zakaria Sulong (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom), Duta Besar Malaysia ke Dubai serta duta-duta dari Singapura, Filipina, Bangladesh dan Thailand.

Kementerian mensasarkan seramai 330,000 bilangan pengunjung pada tahun ini berbanding tahun 2012 seramai 320,719. Namun demikian setelah 3 hari program ini berlangsung, seramai 247,000 bilangan pengunjung telah hadir dan angka ini melebihi sasaran awal yang ditetapkan. Pada hari pelancaran sahaja, seramai 120,540 orang telah hadir memeriahkan program ini.

Program Minggu Budaya Malaysia di London (MBML) telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2006 dan berasaskan pencapaian yang amat memberangsangkan, program ini diteruskan sebagai acara tahunan pada tahun 2007, 2008 dan 2012. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan seni budaya, warisan dan kepelbagaian cara hidup di Malaysia yang mencerminkan kehidupan bersatu dalam kepelbagaian (unity in diversity).

Program MBML 2013 bertemakan 'Faces of 1Malaysia' diadakan selama 5 hari mulai 19 hingga 23 September 2013 yang menonjolkan keunikan dan kepelbagaian budaya merangkumi persembahan kebudayaan dan muzik tradisional, makanan warisan, kraf, lukisan dan pertunjukan fesyen yang memperkenalkan batik dan songket tempatan. Di samping itu terdapat pelbagai demonstrasi seperti demonstrasi kraf, teh tarik dan roti canai serta pertunjukan gasing. Program ini juga telah memberi pendedahan kepada usahawan-usahawan kraf tempatan melalui pameran dan jualan produk-produk kraf seperti batik, ukiran, tenunan, seramik, logam, hasil rimba, pengusaha restoran makanan warisan serta para penggiat seni lukis di peringkat antarabangsa.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz berkata penganjuran program ini juga merupakan platform yang baik untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 yang merupakan misi nasional. "Program ini merupakan satu strategi dan inisiatif Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong asing dari Eropah khususnya United Kingdom datang ke Malaysia," tambah beliau.



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA)
No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>
www.facebook.com/friendofmalaysia; twitter.com/tourismmalaysia; blog.tourism.gov.my





Pada tahun 2012, Malaysia menerima 25.03 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan berjumlah RM60.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, bilangan pelancong daripada Eropah yang datang melawat Malaysia mencatatkan jumlah seramai 1,130,303 orang yang mana 402,207 orang adalah pelancong dari United Kingdom.

Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil langkah strategik dengan mempromosi dan mewar-warkan program ini secara meluas melalui hebahan radio, rencana khas di akhbar-akhbar tempatan, pengedaran risalah di tempat-tempat awam sekitar lokasi majlis di London.

Di samping itu sempena MBML 2013 pada 20 September 2013 jam 12 tengahari di Hotel Landmark London, YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan juga melalui Tourism Malaysia telah melancarkan Pakej Pelancongan Tahun Melawat Malaysia 2014 bagi pasaran UK yang bertujuan untuk menawarkan pelbagai jenis pakej pelancongan kepada semua segmen pasaran pelancong di UK. Pakej ini berteraskan kepada 4 produk utama iaitu:-

- a) Pantai dan pulau (islands and beaches)
- b) Kembara dan Alam Semulajadi (nature and adventures)
- c) Budaya dan warisan (cultural and heritages)
- d) Pelancongan Mewah dan Spa (luxury, wellness and spa)

Bagi tahun 2013, Kementerian mensasarkan ketibaan pelancong khusus dari UK seramai 450,000 orang dan sasaran seramai 475,000 orang pelancong bagi tahun 2014 sempena Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014.

Kementerian bercadang untuk meluaskan pasaran pelancongan dengan meneroka pasaran baru seperti di bandar-bandar utama di benua Amerika Selatan (Rio de Janeiro dan Buenos Aires), Eropah (Paris, Edinburgh dan Frankfurt), Timur Tengah (Dubai), Oceania (Sydney dan Auckland) dan Asia Timur (Shanghai dan Seoul). Kerajaan akan meneruskan penyertaan ke festival-festival yang bertaraf dunia seperti Expo Yeoshu (Republik Korea), Expo Shanghai (Republik Rakyat China) dan Expo Zaragoza (Sepanyol) untuk memberi pendedahan kepada peserta dari Malaysia dan juga memperkenalkan Malaysia di persada antarabangsa.

Disediakan oleh Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Tel: 03-8000 8000 E-mel: info@motac.gov.my

-Tamat-

Untuk mendapatkan siaran media, media info dan artikel berkaitan industri pelancongan di Malaysia, sila lawati Pusat Media di laman web Tourism Malaysia di <http://www.tourismmalaysia.gov.my/>.



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA)

No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

www.facebook.com/friendofmalaysia; twitter.com/tourismmalaysia; blog.tourism.gov.my





LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ATAU TOURISM MALAYSIA ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Peranan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ialah melaksanakan dasar-dasar berkaitan pelancongan, menjalankan penyelidikan serta menawarkan insentif kepada para penggiat industri pelancongan manakala Tourism Malaysia pula bertanggungjawab untuk mempromosikan Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa. Didorong oleh aspirasi untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini, Tourism Malaysia telah membangun dengan pesatnya sejak penubuhannya dan telah muncul sebagai pemain utama dalam landskap sosioekonomi negara. Pada 2012, Malaysia telah mencatatkan kedatangan seramai 25 juta orang pelancong asing dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM60.6 bilion.

Pada 2014, Malaysia akan menyambut Tahun Melawat Malaysia (TMM) buat kali keempat dengan tema "Celebrating 1Malaysia Truly Asia". Kempen promosi TMM 2014 telahpun bermula pada tahun ini dan akan dipenuhi dengan pelbagai acara istimewa dan aktiviti-aktiviti menarik sepanjang tahun sehinggalah tibanya TMM 2014. Penganjuran kempen TMM 2014 dijangka akan dapat membantu kerajaan mencapai sasaran untuk menerima kedatangan pelancong seramai 36 juta orang dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion menjelang 2020 seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia 2020.

Hubungi:

Unit Perhubungan Media:

Encik Razaidi Abd Rahim, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi dan Publisiti
Emel: razaidi@tourism.gov.my

Unit Editorial:

Puan Anis Rozalina Ramli, Editor, Bahagian Komunikasi dan Publisiti
Emel: anisramli@tourism.gov.my



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA)

No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

www.facebook.com/friendofmalaysia; twitter.com/tourismmalaysia; blog.tourism.gov.my

